

SOROTAN PERISTIWA 1991:

MAHATHIR MELETAKKAN MALAYSIA DALAM PETA POLITIK DUNIA

Mahathir - Luar Negeri

Oleh Juliana Omar

I

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Tanpa mengira penat lelah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad begitu gigih sepanjang 1991 menampilkan kewujudan Malaysia dalam peta politik dunia selain terus lantang bersuara bagi menentukan kedudukan yang lebih baik bagi negara-negara sedang memhangun.

Sikap Perdana Menteri yang berani membuat teguran dan bersungguh-sungguh dalam peranannya begitu dikagumi oleh pemimpin-pemimpin negara Dunia Ketiga manakala negara-negara maju terpaksa mendengar segala kritiknya yang terbuka terhadap bagaimana negara Utara menyelesaikan masalah mereka, dengan menyetepikan kepentingan negara-negara Selatan.

Dibawah kepimpinan beliau, Malaysia telah bergerak di barisan hadapan dalam memperjuangkan hak negara-negara sedang memhangun dalam arena antarabangsa. Hari ini, Malaysia dipandang sebagai jurucakap bagi Dunia Ketiga manakala pemimpin-pemimpin dari negara Utara yang maju membeti perhatian terhadap pandangan beliau walaupun sesetengah tidak gemar akan apa yang mereka dengar.

Malahan, pentadbiran Amerika Syarikat terpaksa mengambil tindakan balas terhadap usaha beliau yang berterusan untuk menarik Jepun dan Korea Selatan menyertai Perundingan Ekonomi Asia Tenggara (EAEC). Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir bahawa Malaysia tidak akan menyertai Persidangan Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu di Brazil tahun depan telah memaksa Setiausaha Agung badan itu, Dr Morris Strong membuat satu lawatan peribadi untuk memujuk Perdana Menteri menukar fikirannya...

Ucapan beliau pada Perhimpunan Agung ke-46 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada September lepas juga meinggalikan kesan. Pada persidangan itu beliau berkata, demokrasi perlu wujud antara negara-negara di dunia sekiranya ia ingin dijadikan satu-satunya sistem yang diterima oleh mana-mana kerajaan. -- Lagi

♥16/12/10-00MST

CNS7857

UGB 15-12 00169 BA003

aabt 161000

Mahathir - Luar Negeri 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata, demokrasi tidak akan bermakna kepada negara-negara sedang memhangun sekiranya mereka langsung tidak mempunyai pilihan, dan juga jika bermakna bahawa rakyat mereka menghadapi ketidakstabilan dan kelemahan ekonomi sehingga mereka tertakluk kepada manipulasi kuasa-kuasa demokrasi yang berkuasa.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendirian bahawa Malaysia tidak akan tunduk terhadap tekanan-tekanan dari negara-negara maju yang mencari kelemahan negara-negara sedang memhangun dengan menggunakan isu seperti hak asasi manusia dan alam sekitar.

Dalam Komanwel, Malaysia mempunyai peranan sebagai pengerusi bagi Kumpulan Penilaian Peringkat Tertinggi untuk meninjau dan menghasilkan arah dan peranan baru bagi pertubuhan itu bagi tahun-tahun 1990-an dan seterusnya.

Itu ditubuhkan pada persidangan kemundak Komanwel di Kuala Lumpur pada 1989 dengan membabitkan Australia, Bahamas, Britain, Kanada, India, Jamaica, Nigeria, Singapura dan Zambia.

Malaysia juga mengetuai Kumpulan II bagi mencari jalan bagaimana pertubuhan itu, yang dianggotai oleh 55 negara, dapat membantu menghasilkan satu penyelesaian awal terhadap masalah Afrika Selatan. -- Lagi

♥16/12/10-01MST

CNS7858

UGB15-12 00207 BA004

aabt. 161000

Mahathir - Luar Negeri. 3 Kuala Lumpur

Pada tahun ini juga, Malaysia memupuk hubungan erat dengan negara-negara Afrika dan dijanya menjadi negara pertama di Asia mengadakan hubungan udara secara terus dengan Zimbabwe.

Pada keseluruhannya, Malaysia juga menjalin hubungan dengan Afrika pada peringkat rakyat dan kerajaan kedua-dua negara dengan membenarkan rakyat Malaysia melawat Afrika serta menamatkan pengharaman selama 30 tahun berikutan penyingkiran Afrika Selatan daripada Komanwel berhubung dasar Aparteid, perkauman dan pengasingan.

Persidangan ketua-ketua kerajaan Komanwel di Harare, bersetuju untuk menarik semula sekatan terhadap Afrika. Ini termasuk sekatan konsular dan visa, kebudayaan dan saintifik, promosi pelancongan serta pengharaman hubungan udara secara terus.

Malaysia juga memainkan peranan penting dalam Persidangan Xumpulan 15 (G-15) yang kedua di Caracas, Venezuela, pada November apabila Datuk Seri Dr Mahathir berucap pada mesyuarat itu sebagai jurucakap bagi Asia. Penghargaan ini juga sebagai pengiktirafan peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan.

Malaysia merupakan penggerak utama dalam pemhentian G-3.5, sebuah kumpulan kerja bagi para pemimpin negara-negara sedang membangun untuk bertindak sebagai penggerak kerjasama di kalangan negara-negara Dunia Ketiga. Anggota-anggota G-15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela, Yugoslavia dan Zimbabwe. -- Lagi

♥1G/12/10-01MST

CNS7859

UGB15-12 001.75 BA005

aabt. 161000

Mahathir - Luar Negeri 4 Kuala Lumpur

Pada mesyuarat itu, para pemimpin Kumpulan 3.5 bersetuju untuk mengkaji terhadap kemungkinan memperluaskan peranan badan itu untuk menyediakan perwakilan yang lebih seimbang dalam keanggotaannya.

Malaysia juga dikenali dalam perjuangannya menegak keamanan dan ini jelas dalam persidangan di Paris yang mengakhiri konflik di Kemboja yang berlanjutan selama 13 tahun.

Perjanjian itu ditandatangani oleh empat pihak di Kemboja dan 18 negara termasuk lima anggota tetap Majlis Keselamatan RR pada 23 Okt. Selain Malaysia, negara-negara lain pada persidangan Paris tajaan Perancis dan Indonesia ialah Australia, Brunei, Kanada, China, Perancis, India, Indonesia, Jepun, Laos, Filipina, Singapura, Thailand, Soviet Union, Britain, Amerika Syarikat, Vietnam dan Yugoslavia.

Malaysia masih aktif dalam usaha perdamaian dengan penyertaan dua pegawai tenteranya dalam Misi Awal BB Kemboja (Unamic) bersama-sama dengan 43 pegawai lain dari 23 buah negara.

Tahun ini bermula dengan penetapan tarikh 1.5 Jan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai tempoh penentuan bagi Iraq berundur dari Kuwait atau menghadapi tindakan ketenteraan. -- Lagi

♥16/12/10-01MST

CNS7866

U GB15-12 001.57 BA019

aabt163 000

Mahathir - Luar Negeri 5 Kuala Lumpur

Kementerian Luar bertindak pantas mengatur kepulangan kira-kira 1,700 rakyat Malaysia dari beberapa negara Teluk sebelum tempoh itu tamat.

Perang itu bermula pada 17 Jan apabila tentera-tentera yang diketuai Amerika Syarikat menyerang sasaran Iraq di negara itu dan di Kuwait pada pukul 8 pagi waktu Malaysia. Taberlanjutan selama 43 hari sebelum genjatan senjata diumumkan pada 28 Feb.

Malaysia membuka semula kedutaannya di bandaraya Kuwait dan Baghdad pada April selepas keadaan pulih.

Pada 15 Mac, Datuk Abdullah Ahmad Badawi kembali dalam kabinet sebagai Menteri Luar dan beliau menegaskan pendirian Malaysia yang tidak perlu bergantung kepada negara lain atau kuasa dunia dalam mengendalikan hubungan luarnya.

Beliau juga mengumumkan penyediaan dasar luar Malaysia mengenai ekonomi seperti perdagangan dan pelaburan yang selaras dengan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam tempoh 30 tahun akan datang. -- Lagi

▼16/12/10-03MST

CNS7867

U GB15-12 001.42 BA020

aabt1.61000

Mahathir - Luar Negeri 6 (akhir) Kuala Lumpur

Pada tahun ini juga, Malaysia menjadi tuan rumah bagi tiga persidangan antarabangsa iaitu Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN (AMM) disusuli Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN (PMC) dari 19 Julai hingga 24 Julai, Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (7 Okt dan 8 Okt) dan Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Komanwel (8 Okt hingga 3.0 Okt).

Keretakan hubungan antara Malaysia dan Australia sejak kehelakangan ini, mulai reda pada tahun 1991. Menteri Luar Australia, Senator Gareth Evans, datang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri PMC dengan menghawa surat daripada Perdana Menteri, Bob Hawke.

Berikut surat tersebut, pemimpin kedua-dua negara mengamhil kesempatan persidangan CHOGM di Harare untuk berbincang mengenai masalah tersebut.

Memandangkan pembabitannya di gslbagai forum antarabangsa, suara Malaysia di bidang diplomatik di jangka terus kedengaran di tahun-tahun akan datang. -- Bernama

▼16/12/10-03MST